



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku



**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810



# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## Aksaramu Inspirasiku

**Wan Noorli Razali**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Menulis bukan sekadar satu usaha menyusun aksara yang saling bertaut membawa makna tapi penulisan seharusnya didasari tujuan yang lebih mendalam, menyampaikan ilmu dan tauladan ke minda setiap yang membaca. Bak kata azimat orang lama, 'amal tanpa ilmu satu kejahilan dan ilmu tanpa amal adalah sesuatu yang sia-sia'. Sejak dahulu kala, kitab-kitab ditulis bagi memberikan ilmu dan mengangkat darjat seorang manusia. Kini, kitab-kitab berubah rupa, makin berwarna makin bergaya namun intipati tak harus lari kerana minda harus diisi agar jiwa tidak mati. Begitu jugalah diriku. Setiap kali aku masuk ke ruang pustaka, menghidu bau dari halaman-halaman yang ada, terasa tenang dan berbeza. Bagai berada dalam satu dunia dan meneroka pengalaman yang indah dan penuh bermakna. Jiwa terasa sangat banyak perkara yang boleh dipelajari, demi memperbaiki diri.

Ada beberapa buah karya, hasil air tangan insan ternama yang setiap kali aku baca pasti terasa sedalam-dalamnya. Karya-karya seorang penulis bernama Liza Nur seringkali mengusik mindaku. Bila halaman diselak, ku amati tiap isi, pasti kepala mengangguk tanda setuju kerana lakaran karakternya ada disekelilingku. Membaca kisahnya bagai berjalan dalam dunia realiti sebenar. Setidaknya itulah yang aku dan sebahagian besar peminatnya rasakan. Inginku kongsi beberapa kisah nukilannya yang mendebarkan hati, bila kupegang pasti kan kubaca lagi dan lagi. Bila aku amati setiap aksara yang disusun menjadi garapan kisah sebuah kehidupan, aku merasakan seolah-olah aku berdiri memandangi cermin di belakangku dan bila menoleh, aku menatap diriku sendiri.

Antara karya yang paling kugemari ialah 'Bawah Payung Awan' yang kemudian diadaptasi kepada drama dan ditayangkan di VIU tahun lalu. Drama ini mendapat 'rating' yang tertinggi mengalahkan drama Korea. Mungkin ada yang bertanya, apa yang menjadikannya begitu hebat di mata penonton. Aku lebih memilih novel asal, namun adaptasinya telah dilakukan dengan begitu baik sehingga mirip kepada jalan cerita asal yang ditulis penulis. 'Di Bawah Payung Awan' mengisahkan tentang persahabatan, kekeluargaan dan pengkhianatan.



Dengan berlatar belakangkan perkampungan setinggan yang lusuh dan daif, kisah ini pastinya menguji minda namun mesejnya amat-amat terang dan nyata. Widad, karakter wanita utama kisah ini adalah seorang gadis yang amat-amat kuat dan kental meskipun bergelar anak seorang pelacur. Bukan mudah untuk menjaga diri di saat ibunya keluar setiap hari mencari rezeki dari sumber yang haram. Dirinya terpalit setiap tingkah dan perlakuan si ibu. Dicerca dan dihina sudah menjadi santapan biasa. Namun ini tidak pernah melunturkan semangatnya untuk terus membawa perubahan pada diri dan ibunya. Azamnya amat kuat, dia mahu terus berusaha mengubah nasib diri dan keluarganya. Widad pelajar cemerlang di sekolahnya. Dia bergelut tiap

hari demi meneruskan perjuangannya. Mana mungkin ia mudah. Saat si ibu membawa pulang pelanggan tetap dan meneruskan aksi ranjang di rumah, dia mengangkat buku menelaah dari setiap halaman yang ada dan pada masa yang sama tetap berdoa.

Dia tidak pernah jijik akan ibunya. Dia sabar menasihati si ibu agar menukar pekerjaannya walaupun setiap nasihat itu bagai mencurahkan air ke daun keladi, dibalas dengan maki hamun. Biarpun diherdik dan dicerca, dia tetap menjaga ibunya waktu sakit dengan penuh lembut, kerana dia tahu dalam pentas kehidupan ini tak semua manusia yang akan berjaya serta merta. Di pentas ini, manusia akan terus diuji dan ujian itu takkan pernah berhenti. Dia yakin ibunya tetap akan berubah satu masa nanti. Ramai anak-anak yang seringkali mengherdik orang tua mereka kerana dilahirkan miskin dan papa, namun ramai juga seperti Widad, yang tetap utuh menjaga ibunya dan tidak putus berdoa, mengharapkan satu perubahan.

Selain Widad, watak lelaki utama yang juga sahabat karib Widad, Soleiman turut bergelut dengan keluarganya. Ibunya sudah meninggal dunia dan bapanya seorang yang baran dan kaki pukul. Sejak kecil, Soleiman sudah biasa dipukul dengan kuat. Tubuhnya penuh dengan bekas parut yang tebal. Barangkali tebalnya sudah menghilangkan setiap rasa sayang yang pernah disimpan dengan penuh harapan. Ada beberapa ketika kesabarannya terlalu diuji, dia menengking bapanya kembali. Soleiman dijaga neneknya yang tinggal serumah. Bila dewasa, dialah yang menjaga dan membersihkan neneknya sambil dibantu Widad. Bapanya berkahwin lain dan hanya pulang untuk melepaskan amarahnya pada Soleiman. Soleiman tidak melawan saat dipukul namun dia bangun bila neneknya diherdik dan dikasari.

Kita seorang anak, kita tak mampu memilih siapa yang menjadi ibu dan bapa kita. Tapi seperti kita, mereka juga manusia yang seringkali diuji dengan ujian yang ada kalanya mereka redah dengan megah tapi ada juga masanya mereka jatuh dan tersungkur. Saat inilah tangan-tangan kecil kita tetap menggenggam erat, menjadi sumber kekuatan buat mereka. Kerana bila kita menjadi ibu dan bapa, kita akan berada di landasan yang sama, mengharapkan tangan kecil anak-anak kita, menjadi sumber kekuatan untuk meredahkan hujan dan ribut. Kita harapkan diri dipayung awan dari teriknya bahang sang mentari. Aku refleksi pada diri dan aku mengerti, biarpun aku sedikit terlewat. Aku sendiri dibesarkan oleh seorang ibu tanpa bapa di sisi. Bapaku seorang kelasi, melewati samudera, jarang sekali kulihat wajahnya sedari lahir sehingga dewasa. Akhirnya aku mengerti untuk tidak lagi menyalahkannya, kerana kita hanyalah manusia. Akan ku titipkan doa mengiringi pemergiannya biarpun apa yang pernah ditinggalkan padaku hanya luka dan parut lama.

Karakter ibu Widad pastinya tidak mungkin akan digemari sesiapa, namun inilah hakikatnya. Dia bekerja di lorong-lorong. Pastinya tidak indah, namun dia tetap berusaha untuk memastikan si anak dapat membesar dan dapat belajar. Bila kita menilai seseorang, kadang-kadang adalah lebih baik melihat pada kebaikan dan potensinya untuk melakukan kebaikan. Jika iman itu murah, sudah pasti ia mampu dibeli dan dimiliki dengan mudah. Namun, realitinya ia amat mahal, perlu diri untuk sentiasa kental. Perubahan tak mungkin tetap dan hanya sekali kerana kita akan diuji untuk tetap kembali. Ibu Widad pernah cuba untuk merubah, mohon kerja di sini-sana tapi ia tak kekal lama kerana dirinya tidak biasa. Biarpun begitu, dia tetap cuba dan cuba. Bila dia telah berjaya, ada yang kekal selamanya. Ibu Widad akhirnya menjadi seorang tukang sapu tapi dia tetap adalah dirinya, bibirnya sudah biasa dihiasi cerca. Kata-katanya bagaikan pisau tajam yang menusuk hingga ke dalam.


Bila kita ingin seseorang itu berubah, kita hanya mampu berdoa dan hanya Allah S.W.T. penentu segala. Bila tidak seperti kita bayangkan kita tak wajar hampa, kerana Dia lebih Maha Mengetahui hakikat di sebaliknya. Kita sebenarnya tidak perlu bersaing sesama kita di muka bumi ini, kerana itu hanya akan menambahkan hasad dan iri hati. Seharusnya kita mengerti, kita hanya bersaing dengan diri sendiri demi menjadi hamba kepada Illahi. Kita semua akan tetap pergi kerana mati itu pasti. Kita kan melangkah ke alam yang kekal dan abadi. Kita tidak

mampu menilai orang lain, kerana liku perjalanan kita tak serupa biarpun destinasi kita sama. Kita tak seharusnya menetapkan satu nilai berdasarkan tanggapan kita pada sesiapa tapi seharusnya kita menerima semuanya seadanya. Allah S.W.T tidak memberikan apa yang kita inginkan tetapi Dia mengurniakan apa yang kita perlukan kerana keinginan kita tiada batas tapi keperluan kita lebih penting untuk hidup dan Dia Maha Mengetahui akan segala sesuatu. Kita tak perlukan redha manusia tapi kita perlukan redhaNya.

Aku pernah menyalahkan takdir kerana aku tidak punya bapa yang boleh diharapkan, padaku dahulu satu tanda kesempurnaan sebuah keluarga. Namun bila ku fikirkan semula, ada perkara yang lebih baik tiada dari ada. Menerima ketiadaan jua satu cara bersyukur. Kekadang kita mahukan sesuatu sedangkan ia buruk untuk kita tapi kita menolak sesuatu sedangkan itu yang kita perlukan. Islam itu indah, segala panduan sudah ada untuk kita. Apa yang ada wajib disyukuri. Inilah apa yang kufikirkan saat ku menelaah karya-karya Liza Nur. Nukilannya menetapkan lagi pemikiran dan pendirianku. Semoga setiap dari kita akan menjadi insan yang lebih bersyukur dengan membaca karya-karya berkualiti sebegini.




Sebahagian koleksi karya penulis Liza Nur yang kumiliki



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

